



Ruj. Kami : JPPH : IP BP 175/665/6/5 Jld.5 (2)
Tarikh : 11 Februari 2015

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) DI PUSAT MAKLUMAT
HARTA TANAH NEGARA (NAPIC), JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN
HARTA**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

1. Jawatan : Pekerja Sambilan Harian
 - a. Jabatan : Pusat Maklumat Harta Tanah (NAPIC) di cawangan berikut:
 - i. Kuala Lumpur (6 orang)
 - ii. Selangor (6 orang)
 - iii. Negeri Sembilan (1 orang)
 - iv. Johor (5 orang)
 - v. Melaka (1 orang)
 - vi. Pulau Pinang (3 orang)
 - vii. Kedah (1 orang)
 - viii. Perak (3 orang)
 - ix. Terengganu (1 orang)
 - x. Kelantan (1 orang)
 - xi. Pahang (1 orang)
 - xii. Sabah (1 orang)
 - xiii. Sarawak (1 orang)
 - b. Tempoh Perkhidmatan : 3 bulan (jawatan sambilan)
2. Kadar Upah : RM72.00 sehari (tempoh bekerja adalah 9 jam sehari termasuk waktu rehat)

3. Syarat Lantikan : Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki Kelayakan seperti berikut :
- a). Warganegara Malaysia;
 - b). Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh iklan ditutup; dan
 - c). Mempunyai kelulusan peringkat Diploma dalam bidang Penilaian/ Pengurusan Harta / Teknologi Maklumat dan setaraf dengannya.
4. Taraf Jawatan : Sambilan
5. Cara memohon : Borang Permohonan Jawatan Kosong Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta boleh didapati daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) di setiap negeri berkenaan.
6. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar pada atau sebelum **23 Februari 2015** ke Ibu Pejabat Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), di negeri yang berkenaan.
7. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan semua sijil bagi kelayakan yang disyaratkan.
8. Jabatan ini tidak akan melayan sebarang tuntutan perbelanjaan berkaitan dengan urusan permohonan dan temu duga.
9. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(KHALID IBRAHIM)

Pengarah

Bahagian Khidmat Pengurusan

b.p. Ketua Pengarah Penilaian

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta